

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 11HB JANUARI, 1982 PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 25

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan dalam perkara "HALAL" atau "MAKANAN ORANG-ORANG ISLAM" yang kini banyak tertulis di kedai-kedai makan di seluruh negara ini; dan siapakah yang menentukan kebenaran pihak kedai-kedai berkenaan menulis atau menentukan "HALAL" bagi orang Islam makanan yang dijual itu dan sama ada masalah ini dibincangkan dalam Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia; jika pernah, apakah keputusan dan langkah yang akan dibuat.
- *2. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mempertimbangkan bahawa permit memburu dikeluarkan bagi semua pemilik-pemilik senjata api yang berlesen untuk menjaga kebunnya.
- *3. Tuan Haji Azlan Kinjawan minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah pembayaran pencen kepada pegawai-pegawai Persekutuan yang telah bersara terlalu lambat sangat dibayar pencen hingga mengambil masa bertahun-tahun lamanya.
- *4. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa isu-isu kafir mengkafir, pulau memulau di antara sesama Islam boleh memecah belahkan perpaduan Islam dan rakyat, jika sedar apakah tindakan berkesan yang telah diambil.
- *5. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah akibat berbangkit kerana Amerika Syarikat, negara yang terbesar sekali menggunakan logam timah, tidak bersetuju menandatangani Persetujuan Antarabangsa Timah yang Keenam dan nyatakan langkah-langkah yang sedang dibuat untuk memelihara kepentingan Malaysia.
- *6. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah pekerja-pekerja dari Malaysia di Singapura yang diberhentikan kerja baru-baru ini; dan langkah-langkah yang diambil oleh beliau bagi mengatasi perkara itu akibat dari tindakan pihak Singapura.

/gr.

- *7. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan cadangan-cadangan beliau untuk menempatkan semula atau menawarkan rumah pangsa Kerajaan kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang selalu dilanda banjir di Wilayah Persekutuan.
- *8. Dato' Yap Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk membenarkan pembukaan sebuah syarikat penerbangan swasta untuk memberi perkhidmatan udara dengan tujuan menambahkan bilangan penerbangan selain daripada memberi persaingan perkhidmatan kepada penerbangan MAS, memandangkan kesesakan penumpang yang wujud hari ini bagi semua penerbangan dalam negeri.
- *9. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebabnya barang-barang buatan British dan tawaran-tawaran kerja kepada Firma-firma British dibatalkan.
- *10. Puan Rahmah Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hospital-hospital di bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan lain-lain yang dilengkapkan dengan unit-unit khas tidak mempunyai pakar-pakar yang terlatih dalam bidang-bidang tersebut dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.
- *11. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan mencadangkan supaya pihak MAS menghidangkan makanan dari jenis masakan ala ke Melayuan, supaya memperkenalkan masakan melayu kepada pelancung-pelancung luar.
- *12. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-
(a) apakah antara hasil ketetapan yang telah dicapai di dalam Persidangan Majlis Timah Antarabangsa di Kuala Lumpur baru-baru ini; dan
(b) apakah peranan utama yang dimainkan oleh Malaysia di dalam Majlis Timah Antarabangsa dan sama ada Majlis ini berjaya di dalam matlamat dan objektifnya.
- *13. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:-
(a) nama pemborong yang membina lebuhraya-lebuhraya Bukit Besi (Dungun)/Kemaman (Trengganu) dan Kemaman/Kuantan (Pahang);
(b) adakah kedua-dua lebuhraya ini telah diterima serahannya oleh Kementerian ini dari pemborong-pemborong itu dan telah dibayar harganya; dan
(c) mengapakah lebuhraya Bukit Besi/Kemaman mengalami kerosakan di sepanjang-panjang jalanraya tetapi lebuhraya Kemaman/Kuantan tidak pun berlaku kerosakan dan apakah cadangan Kementerian ini untuk memperbaiki lebuhraya tersebut.

*14. Tuan K. Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak permohonan untuk menjadi warganegara Malaysia telah ditolak atas alasan mereka telah melakukan kesalahan-kesalahan kecil seperti mencuri buah, kelapa, ayam ataupur mengambil bahagian dalam pergaduhan semasa mereka kecil (juvenile) lagi. Jika ya, nyatakan:-

- (i) sama ada perbuatan-perbuatan jenayah semasa juvenile ini, yang tidak dicatatkan dalam rekod "Criminal Registry" akan menjadi suatu alasan yang mencukupi untuk menolak sebarang permohonan untuk menjadi warganegara Malaysia; dan
- (ii) sama ada permohonan dari juvenile ini akan ditimbang semula dengan tujuan memberi kewarganegaraan selepas suatu tempoh masa yang tertentu yang membuktikan mereka telah berkelakuan baik.

*15. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan hasil dari "Pendekatan Tiga Serangkai" yang dilancarkan oleh Kementeriannya dan nyatakan bagaimana gerakan ini dijalankan.

*16. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya akan mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Bank Perumahan untuk membantu pemaju-pemaju perumahan dalam industri perumahan.

*17. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan terdapat kekurangan kemudahan-kemudahan untuk merawat pesakit-pesakit jantong berlubang di negara kita, apakah Kementerian dapat mengadakan satu tabung khas bagi membiayai perbelanjaan rawatan luar negeri bagi pesakit-pesakit yang miskin.

*18. Dr. Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram dari Indonesia yang ada dalam negeri ini sehingga bulan Jun 1981 dan dari jumlah ini nyatakan peratus mereka yang terlibat dengan rampasan kuasa bulan September, 1965.

*19. Tuan Alexander Lee minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan penerbangan dalam negeri MAS telah merosot sehingga terdapat kekurangan air minuman semasa penerbangan.

*20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang keupayaan dan keselamatan penerbangan kapalterbang F27 Foker Friendship yang didapati sudah buruk dan bunyi bising.

*21. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah hasil dan rumusan seminar Ketua-ketua Majlis Agama Islam Negeri yang diadakan di Pulau Langkawi tidak lama dulu;
- (b) sama ada rumusan itu sudah dilaksanakan; dan
- (c) bilakah rancangan Kerajaan Malaysia untuk menghantar Pegawai-pegawaiannya bagi berunding dengan pihak berkenaan di Thailand dalam usaha mendapatkan persefahaman dan penyelarasaran terhadap perkahwinan orang-orang Islam rakyat kedua buah negara memandangkan adanya rakyat negara ini lari berkahwin di Thailand.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

1.	(DR. 13/81)	Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan)	Bacaan Kali Yang Kedua.
2.	(DR. 17/81)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan)	"
3.	(DR. 16/81)	Rang Undang-undang Membaharui Undang- undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan)	"
4.	(DR. 18/81)	Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan)	"
5.	(DR. 23/81)	Rang Undang-undang (Perancangan) Wilayah Persekutuan.	"
6.	(DR. 24/81)	Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan)	"
7.	(DR. 19/81)	Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan)	"
8.	(DR. 21/81)	Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan)	"
9.	(DR. 22/81)	Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan)	"

/gr.

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

1981

Tarikh dibentangkan

- | | | |
|---------|--|-------------------|
| ST. 192 | Laporan Tahunan 1979 - Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) | 11hb Januari 1982 |
| ST. 193 | Penyata Kira-kira 1979 - Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) | 11hb Januari 1982 |

/sh